



06 JAN, 2025

THT belum mahu dabik dada

Sinar Harian, Malaysia



THT belum mahu dabik dada

TERENGGANU Hockey Team (THT) enggan mendabik dada di atas kejayaan merampas kejuaraan Piala Sumbangsih selepas mengatasi juara bertahan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2-1 di Bukit Jalil pada Sabtu.

Malah skuad bimbingan Mohd Harfizi Baharom melihat perjalanan mereka masih panjang dan penuh liku sambil mahu memberi fokus kepada kelemahan skuad yang perlu diperbaiki menjelang saingan seterusnya.

Tanpa meletakkan sebarang sasaran THT yang dibarisi pemain berpengalaman dan tenaga muda lebih selesa untuk memberi tumpuan kepada satu demi satu perlawanan.

“Kita akan jumpa (lawan) Maybank pada Isnin. Perlawanan agak sukar, jadi kita akan pergi satu ke satu permainan.

“Kita tidak mahu cakap (sentuh) mengenai sasaran trofi kerana apa yang penting pemain perlu bekerja lebih keras.

“Pasukan juga akan lihat apa kesilapan hari ini (malam Sabtu) untuk dibaiki agar tidak diulangi lagi. Ada sedikit lubang (kesilapan) yang perlu dibaiki,” katanya.

Dalam aksi di Padang 2 Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil itu, pemain kebangsaan Korea Selatan, Jang Jong-hyun



Pemain-pemain THT meraikan kejayaan menjulang Piala Sumbangsih di Bukit Jalil pada Sabtu.

meletakkan TNB di depan pada minit ke-27, namun THT pantas menyamakan kedudukan menerusi pukulan sudut penalti Faizal Saari pada minit ke-30.

Jaringan kemenangan THT hadir pada suku ketiga perlawanan apabila Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, tidak berdepan masalah menyempurnakan pukulan sudut penalti pada minit ke-42 sekali gus mengesahkan kejayaan pasukan.

Kejayaan itu mengubati kekecewaan THT yang tunduk kepada lawan sama pada edisi lepas, yang menyaksikan ia menyekat misi skuad dari Pantai Timur itu untuk merangkul gelar-

an Piala Sumbangsih buat kali ketiga berturut-turut.

Mengulas aksi tersebut Mohd Harfizi ternyata gembira kerana para pemain berjaya melakar kejayaan seperti yang dirancang oleh barisan kejurulatihan.

“Alhamdulillah kita berjaya keluar daripada kekecewaan tahun lalu. Kita *comeback* dan pemain pun bersemangat untuk bermain dan menang.

“Malah kita juga berjaya mengelak aksi berlarutan sehingga ke penentuan pukulan penalti. Alhamdulillah pemain ikut pelan apa yang kita perlukan (rancang) ketika berdepan TNB,” katanya.